

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT**  
**[ BETONG]**  
**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 26**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan Kementerian mengenai cadangan untuk menutup Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak. Sekiranya Kementerian boleh menjamin pelatih dari Sarawak akan mendapat peluang sama rata dengan pelatih negeri lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa KPM tidak mempunyai cadangan untuk menutup Institut Pendidikan Guru (IPG). Perkara ini telah dijelaskan melalui Kenyataan Media oleh KPM yang dikeluarkan pada 10 September 2019 yang bertajuk '*21 IPG Tutup Tahun Hadapan Tak Benar*'. Kesemua 27 IPG di seluruh negara adalah dikekalkan bagi melaksanakan fungsi latihan perguruan serta latihan pembangunan profesionalisme guru dalam perkhidmatan. Satu jawatankuasa khas sedang dibentuk bagi meneliti perancangan khusus dan hala tuju IPG.

Pengambilan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) IPG adalah berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi bekalan guru sekolah rendah mengikut jenis sekolah di seluruh Malaysia. Namun perlu ditegaskan bahawa dasar KPM adalah tidak mengabaikan peluang kepada mana-mana pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk anak kelahiran Sarawak untuk memohon Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG. Pemilihan calon guru dibuat berasaskan kepada kriteria skor merit calon, jantina, bidang yang ditawarkan, lulus Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan diperaku oleh panel temu duga.

Sekian, terima kasih.